

03/01/1998

Cabaran rakan bawa kejayaan Saim

Hassan Muin

CABARAN dan galakan dari rakan bukan Melayu menguatkan semangat seorang anak tempatan Kampung Parit Haji Abdul Hamid, Mukim Lapan Parit Raja, di Batu Pahat, Johor untuk menceburi industri kulit kraf secara serius.

Saim Said, 40, kini boleh berpuas hati apabila berjaya mengeluarkan pelbagai barangan kraf kulit, yang mendapat pasaran menggalakkan daripada masyarakat, termasuk orang kenamaan dan tokoh korporat dari dalam dan luar negara.

Menurutnya, perniagaan yang diasaskan 15 tahun lalu itu adalah atas kesedaran bahawa Bumiputera amat kurang menceburi perniagaan barangan kulit, khususnya aksesori pakaian termasuk jaket, topi, sarung tangan dan beg.

Beliau menggunakan sepenuhnya pengalaman membaiki kasut selama beberapa tahun untuk memperluaskan kegiatan perniagaannya kepada pembuatan barangan berasaskan kulit tulin.

"Saya membuat topi koboi yang menjadi kegemaran golongan korporat dan elit Melayu serta Cina untuk berburu, berkelah dan ke padang golf. Selain itu, bahan kulit untuk motosikal berkuasa tinggi serta penunggangnya turut dikeluarkan," katanya.

Saim, yang beroperasi dari kedainya di persimpangan kampung berkenaan, amat berterima kasih kepada rakan-rakan yang mencabar beliau menceburi bidang yang kurang disertai oleh Bumiputera itu.

Beliau berkata, beberapa tokoh korporat yang sering menempah topi kulit daripadanya mengakui mutu serta barangan terbabit lebih baik berbanding di luar negara.

"Saya lebih mengutamakan mutu kulit asli dan seni pembuatan yang halus serta bermutu tinggi," kata Saim, yang dibantu oleh seorang anak lelakinya menguruskan perniagaan itu.

Katanya, ciri itu penting kerana pelanggannya adalah dari semua lapisan masyarakat, termasuk pemimpin negara.

Saim mendakwa, antara yang pernah menjadi pelanggannya ialah Timbalan Perdana Menteri, Menteri besar dan beberapa ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri, selain selain tokoh korporat dari Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Di kedainya, pelanggan boleh membeli topi koboi pada harga antara RM100 hingga RM500, aksesori motosikal berkuasa tinggi antara RM80 hingga RM180 dan peralatan lain dengan kadar berpatutan.

"Saya terus mendapat tempahan dari semasa ke semasa kerana ramai pembeli sebelum ini membawa rakan-rakan lain untuk mendapatkan barangan yang dijual di kedai ini.

"Perkembangan ini tidak disangka kerana saya hanya menggunakan modal RM300 untuk memulakan perniagaan, tetapi kini berjaya mendapat pulangan memuaskan," katanya.

Gerai Saim Kulit Asli sering menjadi tumpuan golongan muda untuk mendapatkan pelbagai jenis alat kulit untuk motosikal berkuasa tinggi dan kumpulan pemburu yang mahu senapang patah mereka bersarung cantik.

Ketika ini, beliau sibuk menyiapkan sebuah topi istimewa untuk dihadiahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka siap dalam tempoh dua minggu lagi.

Saim yang mendapat bekalan kulit asli dari luar negara juga kreatif mencipta fesyen untuk topi, sarung tangan dan sarung kayu golf untuk pasaran ke kelab eksklusif di negara ini.

Apa yang nyata, perusahaan bahan kulit asli miliknya mendapat tempahan menggalakkan, terutama untuk sarung kayu golf, sarung senapang patah dan sarung tangan untuk penunggang motosikal.

"Bagaimanapun, perusahaan ini juga mengalami kekurangan kerana setakat ini, saya masih belum mampu membeli mesin jahit yang lebih canggih dan bermutu tinggi.

"Ini menyebabkan timbul masalah untuk menyiapkan tempahan pelanggan dengan cepat. Selain itu, saya juga sukar menambah jumlah pengeluaran kerana kekurangan kemudahan itu," katanya.

(END)